

Alkitab untuk Anak-anak memperkenalkan

Yesus dan Zakheus



Allah menunjuk kepada Tuhan dalam Alkitab.

Penulis: Edward Hughes

Digambar oleh: Janie Forest
Alastair Paterson

Disadur oleh: Ruth Klassen

Diterjemahkan oleh: Julie TY

Dihasilkan oleh: Bible for Children
www.M1914.org


©2024 Bible for Children, Inc.
Izin: Saudara mempunyai hak untuk membuat salinan atau
mencetak cerita ini selagi ia bukan dijual.

1



Pada suatu hari,
Yesus melalui
Yerikho. Kota
ini telah
dimusnahkan oleh
Yosua lama
dahulu. Kini ia
telah dibina
semula dan ramai
orang tinggal di
sana. Di antara
mereka ada
seorang yang
bernama
Zakheus.


2



Mungkin orang lain di Yerikho tidak begitu menyukai Zakheus kerana dia mengutip cukai wang daripada mereka. Zakheus menghantar sebahagian daripada wang itu kepada kerajaan - tetapi menyimpan sebahagian besar untuk dirinya sendiri.


3

Sebagai seorang pemungut cukai, Zakheus menjadi sangat kaya. Rumahnya mungkin yang TERBESAR dan TERBAIK di kawasan itu.




4

Tetapi dia juga sangat rendah - bukan rendah dari segi wang, tetapi rendah dari segi ketinggian. Zakheus tidak pernah tumbuh setinggi orang lain.




5




Apabila Zakheus mendengar bahawa Yesus berada di Yerikho, pemungut cukai kecil itu ingin melihat Yesus dari Nazaret yang mengaku sebagai Anak Tuhan. Tetapi orang sangatlah ramai dan sesak ... dan semua orang sangat tinggi.

6



Zakheus mempunyai ide! Jika dia boleh ada di depan orang-orang ramai... dia akan panjat pokok yang di hujung jalan... dan dia akan dapat melihat Yesus.

7



Ketika dia memanjat sebatang pohon, Zakheus menemukan satu cabang yang nyaman diantara cabang-cabang yang lain, dan duduk di sana menunggu Yesus. "Aku dapat pemandangan yang baik," dia mungkin berpikir. "Aku akan dapat melihat


Dia tanpa disedarinya."

8

"Zakheus, cepatlah turun." Pemungut cukai kecil itu tidak dapat mempercayai telinganya. Yesus berdiri di bawah pokok itu. Yesus sedang memandangnya. Yesus memanggilnya!



9




Jika Zakheus terkejut mendengar Yesus memanggilnya, dia pasti terkejut apabila Yesus berkata, "Hari ini Aku akan menumpang di rumahmu." Zakheus turun dengan pantas sehingga hampir terjatuh.

10

Hati Zakheus bergetar saat Yesus ingin mengunjungi rumahnya. Tetapi orang-orang tidak menyukai hal ini. Mereka mengadu bahawa Yesus tidak boleh melawat orang berdosa seperti Zakheus.




11



Yesus membawa kehidupan baru kepada Zakheus. Zakheus berkata, "Tuhan, akan ku berikan separuh daripada hartaku kepada orang miskin. Dan jika kuperas dari seseorang, aku akan membalasnya kembali empat kali ganda."

12

Yesus gembira dengan kehidupan baru Zakheus. Dia suka melihat orang berpaling daripada dosa dan melakukan apa yang betul. Yesus berkata, "Anak Manusia datang untuk mencari dan menyelamatkan yang hilang." Pada hari itu di Yerikho, Yesus menemui Zakheus!



13

Yesus dan Zakheus
satu cerita dari Firman Tuhan, Alkitab,
terdapat dalam
Lukas 19

"Bila tersingkap, firman-firman-Mu memberi terang, memberi pengertian kepada orang-orang bodoh." Mazmur 119:130

14



TAMAT

53



60

15

Alkitab memberitahu kita tentang Allah kita yang hebat yang membentuk kita dan ingin kita mengenali Dia.

Allah tahu kita telah melakukan banyak perkara buruk yang dipanggil dosa. Hukuman bagi dosa adalah maut tetapi Allah sangat mengasihi kita. Dia telah mengutus AnakNya yang tunggal, Yesus, mati di kayu Salib dan dihukum kerana dosa-dosa kita. Kemudian Yesus bangkit dan hidup kembali; dan pulang ke syurga! Jika anda percaya kepada Yesus dan meminta Dia mengampuni dosa-dosa kamu, Dia akan melakukannya! Dia akan datang dan tinggal di dalammu sekarang, dan anda akan hidup bersamaNya untuk selama-lamanya.

Jika anda percaya ini adalah benar, katakan ini kepada Allah: Tuhan Yesus, saya percaya bahawa Anda adalah Allah, dan menjadi seorang manusia yang mati untuk dosa saya, dan kini Anda hidup sekali lagi. Sila datang ke dalam hidup saya dan mengampuni dosa saya, supaya saya dapat memiliki satu hidup baru, dan satu hari nanti akan ku bersama dengan Anda selama-lamanya. Bantu saya untuk mentaati Anda dan hidup sebagai anakMu. Amin.

Baca Alkitab dan berbicara dengan Allah setiap hari! Yohanes 3:16

16